

Qalam

Bilangan 103 Sha'bān 1378 Februari 1959 60 sen

Kitab *Ibadat Rasulullah*

Hampir-hampir di lapan bulan lamanya, perkara mengenai kitab *Ibadat Rasulullah* (S.A.W) telah menjadi perbincangan di akhbar-akhbar yang terbit daripada sebahagian pendapat pejabat-pejabat agama menuntut kitab itu diharamkan daripada disiarkan dan dibaca di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Perbahasan-perbahasan yang hebat itu akhirnya berkesudahan dengan suatu persidangan raja-raja Melayu dengan diketuai oleh Seri Paduka Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Menurut punca-punca yang mengetahui menyatakan persidangan itu mengambil keputusan tidak mengharamkan kitab yang tersebut. Persidangan itu menyerahkan semula perkara ini kepada wakil-wakil raja-raja Melayu dalam urusan agama seperti mufti-mufti dan seumpamanya dengan meminta kepada wakil-wakil tersebut menjemput pengarang kitab *Ibadat Rasulullah*, al-Ustaz Abu Bakar Ashaari dari Perlis hadir ke majlis mesyuarat wakil-wakil raja-raja Melayu di Kuala Lumpur untuk berunding dan menyoal atau berbahas/bermuzakarah dan seumpamanya. Demikian dikatakan keputusan itu.

Tetapi empat bulan lamanya setelah keputusan itu diambil sehingga hari ini pengarang kitab *Ibadat Rasulullah* itu tidak ada pun menerima panggilan daripada

majlis itu sama ada untuk berunding atau meminta pendapatnya apa lagi untuk bermuzakarah di dalam perkara mengenai kitab yang tersebut.

Sebenarnya, menurut pendapat kita bahawa keputusan yang diambil oleh Majlis-Majlis Raja-Raja adalah suatu keputusan yang bijak. Raja-raja Melayu mengetahui perkara-perkara yang sentiasa terjadi pertelingkahan di dalam urusan ini yang sukar hendak diselesaikan terutamanya sebahagian daripada tempat mendapat nasihat itu sentiasa berkeras atas pendapatnya dan sentiasa pula bersifat hanya semata-mata pendapatnya sahaja yang benar – pendapat orang lain tidak benar.

Kita melihat juga bahawa kebanyakan keputusan-keputusan yang diambil oleh negeri-negeri (Majlis-Majlis Agama sesuatu negeri) memutuskan mengharamkan kitab *Ibadat Rasulullah* adalah semata-mata didasarkan dengan undian suara yang terbanyak (cara demokrasi). Tidak diambil keputusan itu cara ilmiah iaitu seperti yang disampaikan kepada kita kejadian di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu tatkala mengambil keputusan mengharamkan kitab itu hanya dengan angkat tangan sedang Mufti sendiri Syed Yusuf Zawawi, ditinggalkan pendapatnya – dan kalah undi kerana beliau keseorangan.

Juga dalam perkara ini, pejabat-pejabat agama masing-masing negeri itu hendaklah jangan menerima bulat-bulat pendapat atau fatwa mufti mereka masing-masing dengan tidak di bahas atau dihalusi kerana ada kita ketahui setengah-tengah mufti itu telah terlampau tua – ingatannya telah kurang dan selalu uzur, selalu masuk di rumah sakit – masih dipaksa memberi tugas memberikan fatwa-fatwa agama yang besar tanggungjawabnya sehingga ada pula langkahnya,

mereka itu, entah kerana tidak cukup sihatnya, membabit-babit perkara-perkara yang tidak ada kena mengena atas diri orang lain yang tidak disukainya.

Bahayanya keadaan-keadaan seperti ini sangat besar kepada jalan berfikir seseorang. Bahaya inilah juga yang nampaknya tidak diperkenani oleh Majlis Raja-Raja Melayu lalu mencari jalan yang lebih aman, supaya dibawa perkara ini dengan rundingan yang baik, iaitu jalan aman dan damai yang lebih memberi manfaat daripada banyaknya ribut-ribut sedang di dalam pada itu banyak perkara yang lebih besar yang tertinggal begitu sahaja.

Penerbitnya juga banyak menerima tuduhan-tuduhan seperti pengarangnya tetapi sebagaimana yang pernah diterangkan oleh penerbitannya bahawa usaha penerbitan itu adalah mengeluarkan berbagai-bagai macam kitab-kitab agama – sama ada yang di dalam lingkungan mazhab – atau tidak – adalah terus diterbitkan asalkan sahaja tidak menyalahi daripada ajaran yang bersendi kepada kitab Allah dan sunah Rasul-Nya Muhammad *sallā Allah ‘alayhi wa sallam*.

Pihak kita tidak mahu membahas sesuatu fatwa yang diterbitkan oleh sesiapa pun sama ada hanya berdasar kepada pendapatnya sendiri sahaja – apa lagi berdasar kepada ajaran kitab Allah dan sunnah tetapi kita akan terus menentang, sesiapa pun, apabila mereka tidak mahu membahas perkara yang jadi masalah tetapi yang dibahas adalah lain daripadanya seperti mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang berupa fitnah dengan tidak alasan dan jauh daripada masalahnya.

Kita menganjurkan kepada kedua-dua pihak supaya bahaslah perkara-perkara agama itu dengan luasnya. Perbahasan itu buatlah secara ilmiah – tidak membahas sesuatu

dengan cara lain perkara di bahas lain perkara timbul – timbul tuduh menuduh – kerana yang demikian merugikan dan tidak ada memberi apa-apa faedah langsung. Agama membebaskan seseorang membahas sesuatu perkara dengan baik dan jujur tetapi agama menegah dalam memberi pendapat ini kafir mengkafirkan seseorang kerana tidak ada hak seseorang manusia mengkafirkan seseorang saudaranya yang lain.

* * *

Hadiah Novel Dewan Bahasa

Baharu-baharu ini Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu telah menjemput pengarang-pengarang¹ Melayu menghantarkan karangan di dalam bahagian novel untuk dijadikan peraduan dengan diberikan hadiah-hadiah yang tertentu yang disediakan oleh Dewan Bahasa itu.

Banyak orang menghantarkan karangannya terutamanya daripada guru-guru Melayu dan termasuk dua orang wartawan. Menurut Tuan Syed Nasir Pengarah Dewan Bahasa, tidak ada seseorang pun daripada penuntut-penuntut universiti yang mengambil bahagian di dalamnya – dan harus pula, menurut pendapat kita orang-orang profesional di dalam karang mengarang tidak ada pun yang mengambil bahagian atau pun yang telah menghantarkan karangan-karangan mereka.

Karangan-karangan yang mendapat hadiah itu, menurut apa yang tersiar, akan dicetak dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan pengarang-pengarang itu akan diberi royalti di atas karangannya apabila ia diterbitkan kelak.

Keputusan daripada peraduan mengarang novel ini telah diisytiharkan dan kesudahannya tidak ada seseorang pun yang mendapat hadiah yang pertama kerana tidak ada sebuah karangan pun yang telah dihantarkan yang dapat sampai kepada

¹ Dalam Qalam di eja sebagai ‘Pengawang’